

SIARAN AKHBAR

15 Mei 2018

EKUINAS CATAT PRESTASI KUKUH DALAM SUASANA MENCABAR

PRESTASI DANA SULUNG EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) ATASI PRESTASI DANA LAIN DI RANTAUINI

Sorotan Penting: -

- Dana Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, juga dikenali sebagai Dana I, kini telah disempurnakan dengan penghasilan aset lalunya, mencatat **Pulangan Portfolio Kasar RM476.7 juta**, iaitu pada **Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 10.1 peratus** dan **IRR bersih 6.5 peratus**, mengatasi prestasi dana-dana sebanding dengannya di rantau ini.
- Sementara itu, Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund atau Dana II, mencatat **Pulangan Portfolio Kasar RM391.7 juta**, masing-masing melaporkan **IRR tahunan kasar dan IRR bersih 14.6 peratus** dan **10.2 peratus**. Dalam pada itu, Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Fund atau Dana III mencatat **Pulangan Portfolio Kasar RM53.9 juta** serta **IRR kasar tahunan 10.7 peratus**.
- Pada tahun 2017, Ekuinas juga melabur buat julung kalinya dalam bidang pembuatan dengan pemerolehan Davex (Malaysia) Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan peneraju pasaran dalam reka bentuk penyelesaian pencahayaan, perundingan dan pembuatan sistem lampu. Ini bukti kepelbagaiannya portfolio pelaburan Syarikat kini telah menjangkaui enam (6) sektor sasaran asal.
- Pemilikan ekuiti Bumiputera telah meningkat kepada RM4.4 bilion atau 1.5 kali modal dilaburkan Ekuinas, manakala nilai pemegang saham melonjak kepada RM6.3 bilion atau 2.2 kali jumlah modal dilaburkan.

KUALA LUMPUR, 15 MEI 2018: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan keputusannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 (TK2017), dengan mengekalkan prestasi cemerlang buat tahun kelapan (ke-8) berturut-turut. Beberapa mercu jaya penting telah dicapai oleh Ekuinas pada 2017, secara khususnya penutupan dana sulungnya, **Dana Ekuinas Direct (Tranche I) Fund** (juga dikenali sebagai **Dana I**) selepas menjana hasil daripada penjualan asetnya. Dana I mencatat Pulangan Portfolio Kasar RM476.7 juta, iaitu bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar tahunan sebanyak 10.1 peratus dan IRR bersih 6.5 peratus. Prestasi dana sulung Ekuinas telah mengatasi kedua-dua kelas aset ekuiti awam dan ekuiti persendirian (PE) berdasarkan kaedah perbandingan yang ditetapkan oleh Pusat Penyelidikan Ekuiti Persendirian Asia Ltd (Centre of Asia Private Equity Research Ltd, atau CAPER), sebuah badan bebas terkemuka di Hong Kong dengan pengkhususan dalam PE Asia.

Sementara itu, **Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund** atau **Dana II**, mencatat Pulangan Portfolio Kasar RM391.7 juta, lantas mencapai IRR kasar dan IRR bersih tahunan 14.6 peratus dan 10.2 peratus masing-masing. Dalam pada itu, **Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Fund** atau **Dana III** melaporkan Pulangan Portfolio Kasar RM53.9 juta dengan IRR kasar tahunan sebanyak 10.7 peratus.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengurus Ekuinas berkata, "Nilai dan aspirasi Ekuinas dibandingkan dengan piawaian global dan amalan terbaik antarabangsa. Pencapaiannya setakat ini jelas menunjukkan bahawa model PE uniknya telah berjaya merangsang perniagaan tempatan dan menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera menerusi pemilikan ekuiti Bumiputera Ekuinas yang bertambah kepada RM4.4 bilion atau 1.5 kali modal dilaburkan Ekuinas, di samping meningkatkan jumlah nilai pemegang saham kepada RM6.3 bilion atau 2.2 kali jumlah modal dilaburkan."

Antara sorotan penting lain ialah pertambahan bilangan pelaburan langsung dan sumber luar daripada 53 pada TK2016 kepada 58 pada TK2017 serta pelaburan yang diperuntukkan berjumlah RM3.6 bilion berbanding RM3.0 bilion pada 2016. Selain daripada prestasi dana, Ekuinas juga menjana kesan positif bagi ekonomi Malaysia secara umumnya, dengan pelaburan ekonomi keseluruhan berjumlah RM4.3 bilion bersama rakan-rakan perniagaan sektor swasta.

Memandangkan kepelbagaiannya sektor yang dilaburkan, prestasi kewangan syarikat portfolio Ekuinas bercampur-campur, dengan syarikat seperti Al-Ikhsan Sports dan Orkim Sdn Bhd mencatat keputusan kukuh pada tahun yang dilaporkan, manakala syarikat dalam sektor Minyak dan Gas (O&G) serta juga sektor makanan dan minuman (F&B) menunjukkan prestasi kurang menggalakkan kerana keadaan pasaran dan suasana ekonomi yang mencabar. Bagaimanapun, Ekuinas yakin dengan pemulihan industri-industri ini dan akan terus menyokong serta membina perniagaan supaya menjadi lebih mantap.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Tahun 2017 ialah tahun yang agak mencabar bagi sektor PE. Dalam suasana ketegangan geopolitik dan ketidakstabilan dalam sektor O&G, pasaran secara umumnya masih lemah. Bagaimanapun, sukacita saya menyatakan bahawa dalam suasana sebegini, Ekuinas tetap berdiri teguh dan mencatat prestasi yang kukuh. Setakat ini, Ekuinas telah meraih sejumlah RM2.3 bilion daripada penghasilan pelaburan, pendapatan dividen dan pendapatan faedah. Ekuinas akan terus berusaha mencipta nilai sambil memberi tumpuan memenuhi mandat menjadi pemangkin ekonomi negara dengan meluaskan perniagaan dan membina juara serantau."

Pada 2017, Ekuinas telah menceburi sektor pembuatan buat pertama kali, dengan pemerolehan Davex (Malaysia) Sdn Bhd, sebuah syarikat peneraju pasaran tempatan dalam reka bentuk penyelesaian pencahayaan, perundingan dan pembuatan sistem lampu. Ini bermakna portfolio pelaburan Syarikat kini dipelbagaikan menjangkaui enam (6) sektor sasaran awal iaitu pendidikan, barang pengguna laris (FMCG), O&G, runcit, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan. Keputusan Ekuinas untuk mempelbagaikan portfolio memaparkan strategi Syarikat untuk menangani risiko dan cabaran di pasaran dan juga mengukuhkan pulangan Ekuinas. Di samping itu, strategi Syarikat untuk menjana pulangan termasuk langkah melupuskan pelaburan dalam APIIT Education Group dan Tenby Education Group.

Ekuinas meramalkan suasana pasaran terus mencabar bagi tahun 2018, yang mungkin memberi kesan terhadap syarikat-syarikat dalam portfolio Ekuinas akibat faktor dalaman dan luaran. Antara faktor termasuk perubahan dalam persekitaran ekonomi dan perniagaan global yang diledakkan dengan dana mega daripada negara-negara maju, Revolusi Perindustrian 4.0 dan teknologi yang menggugat. Memandangkan perubahan ketara dalam suasana perniagaan, Ekuinas telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan syarikat-syarikat dalam portfolionya menjana kekayaan secara lestari menerusi pelaburan untuk negara ini di samping mencapai objektif pelaburannya. Tambahan lagi, Ekuinas akan memanfaatkan kepakarannya untuk memupuk syarikat berpotensi tinggi bagi memastikan ia kekal berdaya saing di peringkat serantau, dan juga

global. Ini akan menonjolkan Malaysia di persada dunia sebagai titik tumpuan bagi bakat dan syarikat tempatan yang berjaya.

-Tamat-

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor-sektor sasaran teras Ekuinas iaitu pendidikan, barangang pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan serta perkhidmatan.

Siaran Media:

Dau Ming Seling
Klareco Communications
T: +6017-888 2808
E: DSeling@clarecocomms.com

Lok Ru Jun
Klareco Communications
T: +6012-325 6949
E: RLok@clarecocomms.com